

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JUNE 2017

Walaupun usaha tarik FDI sering difitnah pembangkang - Najib

UM-21/6/2017
pg. 3

Mesra pelabur diteruskan

Oleh SAFINA RAMLI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 JUN

MALAYSIA akan meneruskan polisi mesra pelabur asing walaupun Pakatan Harapan yang diketuai DAP sering menabur fitnah mengenai usaha kerajaan menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sehubungan itu, para pelabur asing dinasihatkan tidak terpedaya dengan hasutan pembangkang yang cuba memburukkan-burukkan imej negara.

Menurutnya, kerajaan sentiasa mengalu-alukan kemasukan pelabur dari mana-mana negara terutama Jepun, China, Arab Sau-

di, Amerika Syarikat (AS) atau Singapura.

“Kalau pelaburan itu memberi tambah nilai kepada ekonomi, bidang teknologi dan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat, kedatangan pelabur amat dialu-alukan malah Malaysia akan tetap menjadi negara yang mesra pelabur.

“Abaikan apa yang pembangkang fitnah mengenai FDI kerana dakwaan itu dibuat tanpa berasaskan fakta, secara melulu dan bersifat rasis,” katanya ketika berucap dalam majlis pecah tanah projek Bukit Bintang City Centre (BBCC) dan Mitsui Shopping Park LaLaport KL (Lalaport KL) di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Duta Besar Jepun

ke Malaysia, Dr. Makio Miyagawa Pengerusi UDA Holdings Berhad dan BBCC Development Sdn. Bhd., Datuk Seri Dr. Mohd. Shafei Abdullah serta Pengerusi Eco World Development Group Berhad, Tan Sri Liew Kee Sin.

BBCC yang terletak di kawasan seluas tujuh hektar dengan nilai pembangunan kasar RM8.7 bilion dijangka menjadi satu lagi mercu tanda Kuala Lumpur.

Projek tersebut dibangunkan dengan kerjasama Eco World Development Group Berhad, UDA Holdings Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Mitsui Fudosan Asia.

Fasa pertama pembangunannya dijangka siap pada Disember 2020 merangkumi pusat beli-belah, hab hiburan, hotel empat bintang, ru-

ang pejabat dan apartment servis.

Menurut Perdana Menteri, beliau yakin BBCC akan menjadi satu mercu tanda ikonik di ibu negara yang mampu menarik kehadiran pelancong serta menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar metropolis antarabangsa.

“Projek BBCC dengan tarikan pusat beli-belah, percutian, hiburan termasuk Mitsui Mall serta Grand Bazar Malaysia yang dibangunkan oleh UDA dan Dewan Konsert Zepp KL oleh Sony Music Japan akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan utama dunia.

“Kita berhasrat menarik 36 juta pelancong yang menjana pendapatan RM168 bilion menjelang 2020. Projek BBCC mampu merealisasikan hasrat tersebut,” katanya.